

# IMPLIKASI COVID-19 DARI SUDUT EMOSI DAN SOLUSI MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Norwardatun Mohamed Razali<sup>i</sup> & Siti Mardhiyah Kamal Azhar<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Pngajian al-Quran dan as-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. wardatun@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pngajian al-Quran dan as-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. mardhiyah@usim.edu.my

## Abstrak

*Covid-19 merupakan satu perkara yang dibincangkan sejak ia tular bermula penghujung 2019. Artikel ini mengenalpasti sebahagian implikasi Covid-19 dari sudut emosi dan solusi menurut perspektif al-Quran. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui bahan-bahan yang terdapat dari jurnal, dan juga buku-buku berkaitan tentang kisah-kisah di dalam al-Quran. Hasil kajian mendapati bahawasolusi kepada implikasi covid-19 dari sudut emosi juga boleh dirujuk melalui inspirasi dan kisah-kisah di dalam al-Quran,*

*Kata kunci: Emosi, al-Quran, kisah-kisah di dalam al-Quran, Covid-19.*

## PENDAHULUAN

Penularan Covid-19 telah melanda seluruh dunia sejak penghujung 2019, dan Malaysia tidak terkecuali dari pandemik ini sejak Februari 2020 sehingga memaksa kerajaan untuk melaksanakan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) bermula pertengahan Mac 2020.

Sepanjang PKP dilaksanakan, banyak sektor yang terjejas disebabkan tidak dapat beroperasi, pekerja diberhentikan, kehidupan sosial terganggu dan pelbagai lagi implikasi akibat penularan COVID-19 ini.

Diantara implikasi yang begitu ketara adalah implikasi dari sudut emosi. Ia merangkumi aspek ekonomi, institusi kekeluargaan, pendidikan dan lain-lain. Kertas kerja ini bertujuan menyentuh implikasi dari sudut emosi serta solusi yang boleh dirujuk dari inspirasi kisah-kisah di dalam al-Quran dengan harapan agar dapat memberi sedikit panduan pengurusan emosi dari sudut perspektif al-Quran.

## METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini merupakan kajian kualitatif dengan mengumpulkan maklumat dari artikel, tesis dan jurnal untuk mengenalpasti implikasi yang wujud akibat COVID-19. Begitu juga, merujuk kepada kitab-kitab Tafsir al-Quran mu'tabar pada menafsirkan ayat al-Quran yang berkaitan dengan solusi yang boleh dicadangkan berdasarkan iktibar kisah-kisah nabi dan individu yang menghadapi musibah di dalam al-Quran terutamanya dari aspek pengurusan emosi.

## DAPATAN KAJIAN

### 1) IMPLIKASI COVID-19

**a) Sudut Ekonomi;** Ini adalah antara implikasi yang ketara ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hampir dua bulan sebelum beberapa sektor dibenarkan dibuka, ramai pekerja yang kehilangan pekerjaan terutama dari sektor swasta. Ini kerana larangan untuk pergi bekerja menyebabkan operasi syarikat tidak dapat dijalankan dan kewangan masuk tidak stabil dengan kewangan yang keluar menyebabkan syarikat mengalami permasalahan di dalam membayar gaji pekerja. Hal ini menyebabkan ramai pekerja terpaksa diberhentikan, dan banyak syarikat juga terpaksa ditutup. Apabila pekerja diberhentikan, sumber pendapatan keluarga terjejas dan ini mengakibatkan kesan kepada emosi pekerja kerana perlu memikirkan sumber kewangan yang perlu dicari bagi menampung keluarga.

**b) Sudut Institusi Kekeluargaan;** Kehilangan pekerjaan juga berkait rapat dengan keretakan hubungan kekeluargaan. Ini kerana ketua keluarga yang diharapkan untuk menanggung keluarga justeru hilang pendapatan. Ini menimbulkan tekanan kepada seisi rumah terutamanya isteri yang tidak bekerja kerana terpaksa turut sama berfikir untuk mencari sumber kewangan.

Kes keganasan rumahtangga juga dilihat meningkat sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)<sup>163</sup>. Menurut Dr Firdaus Abd Ghani, Setiausaha Persatuan Psikiatri Malaysia (MPA), keganasan rumahtangga termasuklah perlakuan ganas terhadap pasangan yang melibatkan penderaan secara fizikal, seksual, psikologi serta sosial. Perbuatan penyalahgunaan kewangan oleh pasangan juga boleh dikategorikan sebagai keganasan rumahtangga. Di antara punca berlaku hal sebegini ialah rasa cemburu,

---

<sup>163</sup> <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mengapa-kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-semasa-pkp-236528>

rendah diri apabila pasangan mempunyai pendidikan lebih tinggi dan berpangkat serta kesukaran mengawal emosi<sup>164</sup>. Menurut bahagian Komunikasi Korporat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, panggilan ke Talian Kasih bertambah sebanyak 57 peratus sejak PKP. Bagaimanapun, panggilan serta mesej WhatsApp ke talian bantuan Pertubuhan Pertolongan Wanita atau Womens Aid Organization (WAO) berkurang kepada 73 panggilan dalam seminggu sepanjang PKP. Sebelum PKP dikuatkuasakan pada 18 Mac lalu, WAO menerima purata 77.5 panggilan dan mesej menerusi WhatsApp dalam seminggu<sup>165</sup>. Bagaimanapun, pengurangan ini bukan bermaksud terdapatnya pengurangan kes kerana dikhuatiri mangsa tidak dapat membuat panggilan disebabkan oleh situasi di mana mereka sentiasa berada bersama pendera sewaktu tempoh PKP ini. WAO menjangkakan berlakunya peningkatan jumlah panggilan apabila tempoh PKP ditamatkan<sup>166</sup>.

Menurut Dr Firdaus lagi, di antara sebab peningkatan kes keganasan rumahtangga sewaktu PKP ialah tempoh masa pendera bersama pemangsa lebih banyak menyebabkan peluang untuk konflik berlaku lebih tinggi. Selain itu, masalah kewangan berterusan, persekitaran rumah yang sempit atau tidak kondusif menjadi penyumbang kepada peningkatan ini. Lebih teruk lagi sekiranya keganasan melibatkan penagih dadah, maka kesukaran mendapatkan bekalan dadah disebabkan faktor kewangan dan situasi semasa juga menyumbang kepada perkara ini<sup>167</sup>. Justeru, Covid-19 memberi kesan dari sudut emosi kepada institusi keluarga terutamanya kepada mangsa yang perlu berhadapan dengan penderaan sepanjang PKP.

- c) **Sudut Pendidikan;** Covid-19 juga memberikan kesan dari sudut pendidikan samaada pendidikan peringkat rendah, menengah dan tinggi. Sepanjang PKP, semua sekolah dan pusat pengajian tinggi diarahkan tutup, namun ada yang perlu menjalankan juga proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

---

<sup>164</sup> <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mengapa-kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-semasa-pkp-236528>

<sup>165</sup> Ibid.

<sup>166</sup> Ibid.

<sup>167</sup> Ibid.

Hal ini memberi kesan kepada emosi pengajar dan pelajar dalam masa yang sama. Bagi pihak tenaga pengajar, perlu menyediakan bahan pengajaran dan menjalankan kelas seperti biasa melalui sistem atas talian, disamping perlu menyelesaikan kerja-kerja di rumah seperti menguruskan anak-anak dan sebagainya. Adapun bagi pelajar, terdapat pelajar yang tidak mempunyai capaian internet yang bagus, disamping perlu membantu ahli keluarga lain di rumah untuk menguruskan rumah<sup>168</sup>. Hal ini memberi kesan kepada emosi tenaga pengajar dan para pelajar sendiri.

Berdasarkan implikasi yang disebut, jelas kepada kita bahawa covid-19 boleh dikategorikan sebagai musibah yang memberi kesan kepada kehidupan manusia secara amnya, dan emosi secara khususnya. Oleh itu, bagaimana kita boleh membantu memberi solusi kepada individu yang mengalami kesan kepada emosi dengan memberi panduan dan iktibar dari kisah-kisah Nabi di dalam al-Quran?

## **2) SOLUSI MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN**

Banyak solusi diketengahkan terutama dari sudut psikologi, namun begitu sekiranya kita merujuk kepada kisah-kisah individu di dalam al-Quran itu sendiri mampu memberi kepada kita tauladan untuk mencontohi cara bagaimana mendepani ujian dan musibah yang melibatkan emosi.

### **1- KISAH NABI YAAKUB ALAIHISSALAM**

Umumnya Nabi Yaakub alaihissalam diuji dengan musibah kehilangan anak yang dikasihi sebanyak dua kali. Pertama ketika Nabi Yusuf alaihissalam kecil didakwa dibaham serigala oleh saudara-saudaranya sedangkan Nabi Yusuf alaihissalam telah dianiyai dengan dibuang ke dalam sumur mati. Kehilangan kedua ketika Bunyamin mengikut saudara-saudaranya ke negeri Mesir dan ditahan oleh pemerintah Mesir ketika itu akibat tuduhan mencuri piala diraja. Kedua-kedua peristiwa ini menyebabkan penglihatan Nabi Yaakub alaihis salam dikatakan menjadi kronik dan lemah di dalam ayat:

---

<sup>168</sup> <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/impak-negatif-covid19-pelajar-ketinggalan-lost-generation-245384>.

وَتَوَلَّى عِرْهُمُ قَالِ الْيَافَىٰ عِي وَيُوسُفَ وَيُصْرَاتٍ عِنَّاهُ مِنْ لَحْزَنَفَ مَوْكَظِيمَ ١٦٩ ٨٤

Maksudnya: Dan dia (Yakub) berpaling dari mereka (anak-anaknya) seraya berkata, “Aduhai dukacitaku terhadap Yusuf”, dan kedua matanya menjadi putih kerana sedih. Dia diam menahan amarah (terhadap anak-anaknya)

Apabila berulang perkara yang sama, baginda mengucapkan:

قَالَ لَأَمَّا لَأَتْرُكُ وَلَدِيَّ وَحُزْنِي لِي إِلَى اللَّهِ وَأَحْسَبُ أَنَّ اللَّهَ مَا اتَّقِي مُونَ ٨٦

Maksudnya: Dia (Yakub) menjawab, “Hanya kepada Allah aku mengadukan kesusahan dan kesedihanku. Dan aku mengetahui dari Allah apa yang tidak kamu ketahui”<sup>170</sup>

Iktibar dari kisah Nabi Yaakub alaihissalam, musibah yang melanda emosi ketika COVID-19 ini boleh dikatakan berat bagi yang menanggungnya. Namun, amalan pertama untuk melapangkan hati adalah dengan menyerahkan segala urusan hidup dan mengadukan kesedihan kepada Allah subhanahu wa ta’ala.

## 2- KISAH NABI AYYUB ALAIHISSALAM

Sebagaimana disebut di dalam al-Quran, bahawa Nabi Ayyub alaihissalam diuji dengan sakit, dan diuji dengan penyakit kronik, sehingga tiada yang mahu mendekatinya kecuali isterinya. Isterinya menjaganya, mengubatnya dan membantunya sehingga melakukan segala perkara untuk kebbaikannya sehingga keadaan isterinya mula lemah dan hartanya berkurang dan terpaksa menjadi pembantu kepada orang lain untuk mendapatkan upah membeli makanan dan memenuhi keperluannya<sup>171</sup>. Nabi Ayyub akhirnya berdoa sebagaimana disebut di dalam ayat:

﴿وَيُؤِيبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُ أَنِّي مَّرِيضٌ وَالَّتِ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ ٨٣﴾

Maksudnya: Dan ingatlah kisah Ayub, ketika dia berdoa kepada Tuhannya, “(Ya Tuhanku), sungguh, aku telah ditimpa penyakit, padahal Engkau Tuhan Yang Maha Penyayang dari semua yang penyayang”<sup>172</sup>

Menurut pandangan Solah al-Khalidi: Doa Nabi Ayyub ini menunjukkan seseorang yang diuji dengan penyakit atau musibah perlu meminta perlindungan diri

<sup>169</sup> Surah Yusuf: ayat 84.

<sup>170</sup> Surah Yusuf: ayat 86

<sup>171</sup> <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2914-al-kafi-979-sakit-nabi-ayyub-as>

<sup>172</sup> Surah al-Anbiya’: ayat 83.

kepada Allah subhanahu wata'ala, serta memohon agar dibuka jalan dalam menghadapi musibah tersebut. Hal ini menunjukkan adab seorang hamba kepada Tuhannya dengan tidak mempamerkan perasaan marah mahupun rungutan kerana ditimpa ujian<sup>173</sup>.

Syeikh al-Sobuni juga menceritakan cara diberi kesembuhan oleh Allah kepada Nabi Ayyub alaihissalam selepas beliau berdoa kepada-Nya, dengan mewahyukan agar menghentakkan kakinya ke bumi. Kemudian dia lakukan dan keluar daripadanya air yang sejuk. Kemudian diperintahkan kepadanya untuk minum dan mandi daripadanya. Lantas Allah menyembuhkannya bahkan menjadi lebih sempurna apa yang telah dimilikinya dengan kesihatan dan kekuatan.<sup>174</sup>.

al-Maraghi yang menyebut: Dalam kisah yang dinyatakan pada ayat ini dan ayat-ayat yang lain, terdapat pengajaran bagi Baginda dan bagi orang yang mendengar beritanya. Di samping itu, kisah Nabi Ayyub AS ini menyedarkan manusia bahawa dunia ini hanyalah ladang akhirat, sementara kewajipan seseorang ialah bersabar terhadap setiap cubaan yang dideritainya di dunia, kemudian bersungguh-sungguh ketika menunaikan hak Allah SWT dan bersabar dalam keadaan senang mahupun susah<sup>175</sup>.

### 3- KISAH NABI ZAKARIYYA ALAIHISSALAM

Nabi Zakaria alaihissalam dan isterinya semakin meningkat umur, namun masih belum dikurniakan zuriat. Ini merupakan ujian buat Nabi Zakaria alaihissalam kerana kebimbangan baginda terhadap penerus zuriat dan keturunan baginda dan Nabi Yaakub alaihissalam. Allah mengisahkan kisah tersebut di dalam ayat:

كُنُزٌ رَحْمَتٍ بِكَ عِنْدَهُ زَكَرِيَّا ۚ إِذْ نَادَىٰ بِهَا مِنْ دَاءٍ هَيَّا ۗ قَالَ رَبِّ لِي وَ مَنْ لِيَ عَظْمٌ فِيهِ وَ تَلَوَّ عَلَ الْرَأْسِ شَرِيهَا  
لَمْ أَكُنْ بِدُعَاؤِكَ رَبِّ شَقِيًّا ۚ وَ لِي قَصْتُ لِمَوْلِي مِنْ وَرَاءِي وَ كُنْتُ أَمْرًا نَدِي عَل رُفْ هَبْلِي مِنْ لُقُوكَ رَبِّي ۝  
يَتَّبِعِي فَيَرثُ مِنْ عَالِي عَرُوبٍ وَ أَحْبَبَهُ رَبُّ رَضِيًّا ۖ

Maksudnya: (Yang dibacakan ini adalah) penjelasan tentang rahmat Tuhanmu kepada hamba-Nya Zakaria. (Iaitu) Ketika dia berdoa kepada Tuhannya dengan suara yang lembut. Dia (Zakaria) berkata: “Ya Tuhanku, sungguh tulangku telah lemah dan kepalaku telah dipenuhi uban, dan aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada-Mu, ya Tuhanku. Dan sungguh aku khawatir terhadap kerabatku sepeninggalanku, padahal

<sup>173</sup> Solah Abdul Fattah al-Khalidi. *Mawaqif al-Anbiyak*, muka surat 339.

<sup>174</sup> As-Sobuni, Muhammad Ali. *An-Nubuwwah wal anbiya'*. Beirut: Mu'assasah Manahil al-Irfan. Muka surat 78.

<sup>175</sup> Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. *Tafsir al-Maraghi*. Jilid 9, muka surat 4481.

isteriku seorang yang mandul, maka anugerahilah aku seorang anak dari sisi-Mu, yang akan mewarisi aku dan mewarisi dari keluarga Yaakub, dan jadikanlah dia, ya Tuhanku seorang yang direndhai".<sup>176</sup>

Di dalam ayat ini terdapat dua contoh yang boleh diambil. Pertama berdoa dengan suara yang lembut. Baginda tidak pernah putus asa berdoa, dan setiap kali berdoa, Nabi Zakaria akan meminta kepada Allah swt dengan suara yang lembut dan perlahan agar doa tersebut menjadi lebih ikhlas kerana Allah, dan agar doa tersebut dimakbulkan oleh Allah swt<sup>177</sup> sebagaimana disebut dalam ayat:

إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُ نَجْوًا خَفِيًّا ۗ

(Iaitu) Ketika dia berdoa kepada Tuhannya dengan suara yang lembut.<sup>178</sup>

Kedua, Nabi Zakaria tidak pernah berputus asa dan berhenti berdoa sehingga Allah memakbulkan doanya untuk dikurniakan zuriat, sebagaimana disebut di dalam ayat:

وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيًّا ۗ

Dan aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada-Mu, ya Tuhanku<sup>179</sup>

#### 4- KISAH ISTERI FIR'AUN

Disebutkan di dalam al-Quran, surah at-Tahrim berkenaan tentang kisah kezaliman Fir'aun, sehingga melibatkan isterinya sendiri. Di dalam menghadapi kezaliman Fir'aun, isteri Fir'aun telah memohon kepada Allah dengan berdoa:

وَضَرَبَ اللَّهُ نَجْمًا لِلْفَارِسِ وَأَمْرًا تُفَرِّعُونَ إِذْ قَالَتْ رَبِّ انزِلني من ذلكم عيسى طي لآ حجة وان حزي من فرعون  
وعلمة وان حزي من لقوم الظالمين ١١

Maksudnya: Dan Allah membuat perumpamaan bagi orang-orang yang beriman, isteri Firaun ketika dia berkata; ya Tuhanku bangunkanlah untukku sebuah rumah di sisi-Mu dalam syurga dan selamatkanlah aku dari Fira'un dan perbuatannya, dan selamatkanlah aku dari kaum yang zalim<sup>180</sup>.

Ayat ini merupakan galakan kepada orang mukmin agar bersabar ketika menghadapi kesempitan dan kesusahan hidup<sup>181</sup>. Ayat ini juga menjelaskan kepada kita

---

<sup>176</sup> Surah Maryam: ayat 2-6.

<sup>177</sup> Tafsir Muyassar,

<sup>178</sup> Surah Maryam: ayat 3.

<sup>179</sup> Surah Maryam: ayat 4.

<sup>180</sup> Surah at-Tahrim: ayat 11

<sup>181</sup> Al-Qurthubi

bahawa Allah subhanahu wata'ala memberikan solusi kepada kelompok manusia yang sedang menghadapi musibah agar tidak berkurang sabarnya, dibandingkan dengan ujian dan musibah yang dilalui oleh isteri Firaun terhadap kezaliman suaminya sendiri disebabkan beliau beriman dengan apa yang dibawa oleh Nabi Musa as<sup>182</sup>.

## PERBINCANGAN

Sebagaimana disebut sebelum ini, terdapat beberapa implikasi utama yang memberi kesan langsung kepada emosi iaitu pertama; sudut ekonomi iaitu tekanan akibat kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan. Kedua; dari sudut institusi kekeluargaan iaitu kes keretakan rumahtangga dan kes penderaan meningkat, dan ketiga; sudut pendidikan di mana tenaga pengajar dan pelajar sama-sama mengalami tekanan disebabkan perlu menguruskan dan menyeimbangkan di antara pembelajaran dan urusan kerja rumah.

Kesemua implikasi ini hanya sebahagian sahaja disebut di dalam artikel ini bagi menjelaskan bahawa, terdapat kelompok masyarakat yang sangat memerlukan sokongan dan solusi dari sudut emosi kerana tekanan kepada emosi akan menyumbang kepada pelbagai masalah yang lebih teruk lagi. Oleh itu, di antara solusi yang baik untuk diketengahkan dalam menghadapi musibah sebegini adalah melalui panduan di dalam al-Quran sendiri.

Di antara solusi yang boleh diketengahkan bagi kelompok yang sedang mengalami tekanan emosi hasil dari inspirasi beberapa kisah di dalam al-Quran adalah; **Pertama: Tidak berputus asa dalam berdoa:** Nabi Zakaria tidak pernah berputus asa dan berhenti berdoa sehingga Allah memakbulkan doanya untuk dikurniakan zuriat, sebagaimana disebut di dalam ayat:

وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيًّا ٤

dan aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada-Mu, ya Tuhanku<sup>183</sup>

**Kedua: Berdoa dengan bersungguh-sungguh:** Baginda tidak pernah putus asa berdoa, dan setiap kali berdoa, Nabi Zakaria akan meminta kepada Allah swt dengan suara yang lembut dan perlahan agar doa tersebut menjadi lebih ikhlas kerana Allah, dan agar doa tersebut dimakbulkan oleh Allah swt<sup>184</sup> sebagaimana disebut di dalam ayat:

إِنِّي أَدْعِي رَبًّا دَعَاءً خَفِيًّا ٣

(Iaitu) Ketika dia berdoa kepada Tuhannya dengan suara yang lembut

---

<sup>182</sup> Al-Qurthubi

<sup>183</sup> Surah Maryam: ayat 4.

<sup>184</sup> Tafsir Muyassar,

**Ketiga: Banyakkan bersabar menghadapi musibah:** Sebagaimana keadaan Isteri Fir'aun yang terpaksa berhadapan dengan suaminya Firaun, beliau bersabar dengan kezaliman Fir'aun, sehingga beliau berdoa agar Allah binakan sebuah rumah untuknya di syurga.

إِنقَالَت رَبِّبْنَلِي عَرْدَكَ بِئِيَّالْحِيَاةِ وَنَحْيِي مَرَفْرَعُونَ وَعَلْمَاءَ وَنَحْيِي مَنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ١١

Maksudnya: Dan Allah membuat perumpamaan bagi orang-orang yang beriman, isteri Firaun ketika dia berkata; ya Tuhanku bangunkanlah untukku sebuah rumah di sisi-Mu dalam syurga dan selamatkanlah aku dari Fir'aun dan perbuatannya, dan selamatkanlah aku dari kaum yang zalim<sup>185</sup>.

**Keempat: Tidak berburuk sangka kepada Allah:** Sebagaimana kisah Nabi Ayyub alaihissalam, Nabi Ayyub tidak berburuk sangka di atas penyakit yang ditimpakan kepada Baginda, sebaliknya baginda menjadikan ujian itu sebagai penambah pahala, memuji dan bersyukur kepada Allah. Ini sebagaimana dijelaskan di dalam al-Quran juga bahawa cara yang paling baik untuk menanggung segala macam cubaan dan dugaan ialah dengan sikap sabar dan banyak solat, seperti yang dijelaskan dalam firman-Nya:

وَلْتَبْتَغِينَ وَبِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ وَالرَّيِّئِينَ ٤٥

Maksud: Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang yang khusyuk; (45) (Surah al-Baqarah, 2: 45)

Anjuran untuk bersabar, memperbanyakkan doa, tidak berputus asa dengan hidup sebagaimana diambil sebagai inspirasi dari al-Quran tidak meniadakan solusi dari sudut kemanusiaan kerana normalnya manusia memerlukan solusi lain selain hanya bersabar, solat dan berdoa kepada Allah.

Keperluan untuk mengadukan kecelaruan kita kepada manusia juga sama pentingnya, terutama jika melibatkan kes penderaan dan kezaliman kepada diri sendiri, maka wajiblah diadukan kepada pihak berwajib agar kezaliman dapat dibanteras dan keselamatan diri juga terjamin. Adapun sekiranya perkara berkaitan sudut ekonomi samada dibuang kerja, atau dari sudut tekanan dalam soal pendidikan, maka sewajarnya sebagai seorang Muslim mengadukan segala kesusahan hati kepada Allah dan berdoa agar Allah membuka jalan rezeki dan ketenangan di dalam menguruskan kehidupan.

---

<sup>185</sup> Surah at-Tahrim: ayat 11

## KESIMPULAN

Pandemik Covid-19 memberikan banyak implikasi kepada masyarakat amnya dan individu khususnya. Justeru, ia memerlukan solusi dari pelbagai segi agar setiap individu dapat menghadapi ujian tersebut dengan tenang dan sabar. Walaupun banyak solusi dicadangkan dari sudut psikologi, namun begitu masyarakat muslim terutamanya perlu didekatkan juga dengan inspirasi-inspirasi individu di dalam al-Quran, kerana walaubagaimanapun kisah-kisah di dalam al-Quran itu adalah nyata dan ia merupakan sunnah dalam kehidupan sebagai manusia yang perlu melalui ujian sebelum berpindah kepada kehidupan di alam yang lebih kekal.

## RUJUKAN

### Buku

- Abbas, Fadhal Hassan. 2010. *Qasas al-Quran al-Karim*. Jordan: Dar an-Nafaiz.
- Abdul Karim Zaidan. 1998. *Al Mustafad min Qasas al-Quran li ad da'wah wa ad-du'at*. Lubnan: Mu'assasah Risalah.
- Al-Khalidi, Solah Abdul Fatah. 1998. *Al-Qasas al-Quraniyy 'ardhu waqai' wa tahlil ahdath*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Khalidi, Solah Abdul Fatah. 2010. *Mawaqif al-Anbiyak fi al-Quran*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 1946. *Tafsir al-Maraghi*. Mesir: Mustafa al-Baba al-Halabi.
- Al-Qurthubi, Muhammad bin Ahmad. 2009. *Al-Jami' Li ahkam al-Quran*. Muassasah ar-Risalah.
- As-Sobuni, Muhammad Ali. *An-Nubuwwah wal anbiya'*. Beirut: Mu'assasah Manahil al-Irfan.
- Nukhbah min al-Ulama'. 2012. *Tafsir al-Muyassar*. Saudi: Majma' al-Malik Fahd.

### Jurnal

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019. *Adab Ketika Ditimpa Musibah: Surah al-Baqarah (2: 148-157)*. Program Budaya al-Quran. Siri 29 pada 22hb. Ogos 2019 di Kolej Tun Fatimah, UTM. Program anjuran Pusat Islam, UTM, p. 1-24.

Abdul Rahman Rusli Tanjung. 2012. *Musibah Dalam Perspektif al-Quran: Studi Analisis Tematik. Analytica Islamica. Vol. 1. No. 1.* Fakulti Dakwah, IAIN SU. Fakulti Dakwah IAIN SU.

### **Internet**

Mengapa kes keganasan rumah tangga meningkat semasa PKP?  
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mengapa-kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-semasa-pkp-236528> (diakses pada 30 September 2020)

Sakit Nabi Ayyub AS. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2914-al-kafi-979-sakit-nabi-ayyub-as> (diakses pada 30 September 2020)

Impak negatif COVID-19: Pelajar ketinggalan, 'lost generation'?  
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/impak-negatif-covid19-pelajar-ketinggalan-lost-generation-245384> (diakses pada 30 September 2020)